

22 JAN 1998

Mahathir-Filem

MAHATHIR CADANG SYARIKAT FILEM TEMPATAN BERGABUNG

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan syarikat-syarikat perfileman tempatan supaya bergabung bagi menggembeling modal dan kepakaran ke arah mengusahakan filem-filem bermutu tinggi untuk pasaran eksport.

Perdana Menteri berkata dalam keadaan pasaran tempatan yang begitu kecil dan terhad, penggembelingan modal dan kepakaran untuk menghasilkan filem-filem bermutu tinggi bagi pasaran eksport merupakan langkah yang amat wajar dan selaras dengan keutamaan kerajaan pada masa ini.

"Dulu kita berpendapat bahawa cerita Melayu umpamanya hanya akan dilihat oleh orang Melayu sahaja tetapi (sekarang) kita dapati bahawa cerita-cerita Melayu dari Malaysia bila sudah dialihbahasa nampak seolah-olah natural juga.

"Jadi eksport seperti ini akan memperluaskan pasaran kita dan ini bermakna bahawa kita mempunyai potensi yang dahulu kita tidak nampak," katanya pada persidangan berita selepas melawat studio penggambaran dalam dan luar milik HVD Entertainment, sebuah syarikat penerbitan drama dan filem tempatan yang terkemuka, di Cheras, dekat sini.

Perdana Menteri menghabiskan masa lebih dua jam melawat studio-studio itu dan ibu pejabat HVD Entertainment, terutama kompleks studio bernilai RM150 juta milik syarikat itu yang bertaraf antarabangsa dan pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Sambil menyatakan kekagumannya terhadap kemajuan yang dicapai oleh HVD Entertainment sejak penubuhannya pada 1981, Dr Mahathir berkata syarikat itu telah membuktikan bahawa filem-filem tempatan mampu menembusi pasaran luar negara jika bermutu dan dialihbahasa.

"Saya baru sahaja lihat alihbahasa dalam Bahasa Spanish (Sepanyol) untuk tujuan dipasarkan di (negara-negara) Amerika Latin. Ini menunjukkan bahawa cerita-cerita dari negara kita boleh diterima oleh orang asing.

"Sekaligus mereka boleh dapat lihat pemandangan-pemandangan di Malaysia dan ini juga mungkin menjadi daya tarikan kepada pelancong dari negara-negara yang dahulu tidak begitu kenal dengan Malaysia," katanya.

Sebanyak 30 peratus daripada ekuiti HVD Entertainment dimiliki badan pelaburan kerajaan, Khazanah Holdings manakala masing-masing 30 peratus oleh Pengarah Eksekutifnya Haji Adnan Zakaria dan Pengarah Urusannya Sebastian Foo serta 10 peratus lagi lain-lain.

Perdana Menteri berkata penggabungan juga akan membolehkan syarikat-syarikat perfileman tempatan menjimatkan perbelanjaan daripada segi penggunaan peralatan dan tenaga pakar serta tidak perlu lagi ke luar negara untuk tujuan itu.

"Saya fikir kalau kita perluaskan pasaran supaya kita dapat jual di luar negara maka keperluan akan meningkat dan segala kemudahan yang diperlukan boleh diadakan di dalam negara kita sendiri.

"Tak payahlah kita hantar keluar (untuk tujuan pemprosesan filem) kerana kerajaan sekarang mengutamakan eksport dan kalau kita hantar keluar, untuk membayar kepada negara asing bayaran yang tinggi, maka ini merugikan kita," kata Dr Mahathir apabila diminta pendapatnya mengenai sikap sesetengah syarikat perfileman tempatan yang masih menggunakan studio dan peralatan di luar negara bagi tujuan proses akhir penerbitan mereka.

Sambil mengakui bahawa untuk membeli peralatan yang canggih dan mendapatkan kepakaran memerlukan kos yang tinggi, Perdana Menteri berkata itulah sebabnya beliau mencadangkan penggabungan bagi membolehkan

syarikat-syarikat perfileman tempatan menggembeling modal dan kepakaran.

"Mereka sudahpun bergabung tetapi kemajuan agak terhad. Saya harap semua pihak dapat bergabung supaya dapat menggunakan kepakaran yang sedia ada," katanya merujuk kepada beberapa konsortium syarikat perfileman tempatan yang sedia ada.

Dr Mahathir berkata jika syarikat-syarikat perfileman tempatan memilih untuk tidak bergabung sebagai sebuah entiti, mereka patut memikirkan kaedah untuk saling memanfaatkan peralatan dan kemudahan-kemudahan yang ada sesama mereka. -- BERNAMA.

AH RON